

**Hari Belia Negara 2020: KBS pecah lima kluster sambutan  
Astro Awani  
13 Ogos 2020**

KUALA LUMPUR: Sambutan Hari Belia Negara tahun ini akan menggabungkan campuran program fizikal dan secara maya yang dipecahkan kepada lima kluster.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Datuk M Noor Azman Taib berkata, kelima-lima kluster kepimpinan, ekonomi, sukan dan kecergasan, sosial serta pertandingan.

Menurut beliau, sebanyak 17 aktiviti yang telah dan akan dianjurkan secara maya, termasuk program "HBN20 e-Sports Challenge" dan "Suara Lit (Kisah Belia Berjaya).

"Bagi program secara fizikal akan berlangsung bersempena Sambutan Hari Belia Negara di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru pada 15 Ogos dan terbahagi kepada dua acara utama iaitu Konvensyen Belia dan Anugerah Perdana Belia Negara.

"Sejurus selesai sambutan Hari Belia Negara 2020, akan disusuli sambutan Hari Belia di peringkat negeri pula.

"Kementerian sentiasa komited untuk memperkasakan agenda pembangunan belia dan menghargai peranan serta sumbangan belia kepada negara," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, M Noor Azman berkata, KBS juga akan terus menawarkan peluang dan berusaha demi pemerksaan belia melalui inisiatif rentas Kementerian seperti

Skim Perantisan Nasional, MyGIG dan penubuhan Platform Maklumat - Single Landing Page.

Hari Belia Negara yang disambut pada 15 Mei setiap tahun bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada golongan belia di negara ini.

Bagaimanapun, untuk tahun ini, Hari Belia Negara 2020 akan disambut pada 15 Ogos di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru dan dirasmikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Tema tahun ini, 'Dekad Ini Dekad Anda' dipilih kerana bersesuaian dengan peranan dan tanggungjawab belia dalam mencorak negara sehaluan dengan visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pemilihan tajuk itu juga membawa semangat belia Malaysia yang sentiasa teguh menghadapi cabaran dan dugaan bagi mencapai potensi maksimum demi melonjakkan negara.

Dalam pada itu, KBS turut mengumumkan logo rekaan pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhammad Nur Syafiq Anuar telah dipilih untuk menjadi logo rasmi Hari Belia Negara 2020.

Jelas M Noor Azman, pemilihan dibuat berdasarkan konsep logo yang signifikan dengan bulan kemerdekaan dan sesuai dengan tema 'Dekad Ini Dekad Anda'.

Logo berkenaan bertemakan ketersediaan belia berhadapan isu global dan bermula sekarang yang bermaksud orang muda menjadi golongan terkehadapan dalam mencorak masa depan negara.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-belia-negara-2020-kbs-pecah-lima-kluster-sambutan-255058>